

Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Taiping akan menerima arahan menguatkuaskan perlaksanaan perintah di bawah **AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2012 - SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH)** yang telahpun diluluskan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 1682 bertarikh 21 Disember 2011 yang memutuskan seperti berikut;

Mewajibkan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) dalam pembangunan melalui pindaan Undang- Undang Kecil 2, 10 dan 115 di bawah UKBS 1984;

Selanjutnya Kerajaan Negeri telahpun mewartakan pindaan- pindaan tersebut pada 2 Februari 2012 untuk dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak bagi bangunan kategori berikut;

1. Bangunan kediaman,

-SPAH perlu di pasang hanya untuk rumah banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi sahaja; dan

2. Semua kategori bangunan berasingan,

-SPAH perlu di pasang untuk bangunan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi.

Oleh yang demikian, pihak Juruperunding (PSP) yang mengemukakan permohonan kelulusan pelan bangunan ke Majlis Perbandaran Taiping hendaklah memastikan pelan- pelan bangunan telah mematuhi keperluan- keperluan berikut (Rujuk Warta Kerajaan yang dilampirkan):-

- a) Menunjukkan kedudukan / lokasi tangki air hujan;
- b) Menunjukkan semua elemen SPAH seperti sistem perparitan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH) dengan jelas
- c) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, rekabentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikuti keperluan seperti berikut:-
 - i) Bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palong dan SPAH yang mencukupi dan hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan 2012) UUK 115 bagi menerima dan membawa semua semula air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.
 - ii) Air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam.
 - iii) Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapkan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH.
 - iv) Alur keluar SPAH hendaklah ditanda "Bukan Untuk Tujuan Minuman Atau Mandian" dengan jelas.

- v) Palong yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung.
- vi) Paip air hujan hendaklah berwarna hijau dan diagrammatic plumbing layout ditunjukkan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 01 Oktober 2012.

Terima Kasih.

Arahan

YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING